

Sejarah Buktikan Pemimpin Umno Tinggalkan Parti Ditolak Rakyat - Najib Bernama
26 April, 2013

KUALA KANGSAR, 26 April (Bernama) -- Sejarah membuktikan bahawa anggota Umno yang meninggalkan perjuangan dan parti akan 'dipinggirkan' rakyat, kata Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak.

Presiden Umno itu berkata sejarah juga telah memperlihatkan bahawa perjuangan dalam parti adalah lebih besar daripada kepentingan mana-mana individu.

"Sejarah membuktikan pengasas Umno Allahyarham Datuk Onn Jaafar meninggalkan Umno menubuhkan Parti Negara tapi akhirnya apa? Akhirnya rakyat menolak pemimpin yang mengasaskan Umno (itu) kerana mereka tahu kalau individu tiada, tapi parti ada dan berkuasa, perjuangan masih boleh diteruskan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap di hadapan lebih 5,000 orang pada Perhimpunan Rakyat 1Malaysia di Arena Square di sini Jumaat.

Najib yang Pengerusi Barisan Nasional (BN) berkata sokongan pemimpin parti yang tidak terpilih menjadi calon kepada mereka yang bertanding pada pilihan raya umum ke-13 ini menunjukkan semangat kepartian yang utuh dalam kalangan anggota BN.

"...Apa yang tidak boleh dibeli iaitu nilai dan maruah diri. Kalau kita tidak ada jawatan pun jika kita ada nilai dan maruah, orang tetap hormat kita sampai bila-bila...akan tertulis dalam lipatan sejarah bahawa kita seorang pejuang sejati," katanya.

Najib berkata rakyat sebagai pengundi bukan sahaja akan memilih individu sebagai pemimpin malah turut menentukan hala tuju negara yang akan mencapai matlamat negara maju berpendapatan tinggi pada masa hadapan.

"Pada 5 Mei ini rakyat Malaysia akan memberi jawapan kepada segala-galanya, dan jawapannya ialah tuan puan ingin negara ini terus maju, kita dapat jayakan falsafah 1Malaysia, kestabilan, keamanan dan keharmonian, maka pilihlah calon-calon BN...mereka yang lain tidak boleh, pembangkang tidak boleh, calon Bebas lagi tidak boleh," katanya.

Beliau turut teruja dengan sambutan 'Gelombang Biru' yang memenuhi arena itu sejak pagi ini dan menyifatkan ia sebagai tanda komitmen pengundi Kuala Kangsar dan Padang Rengas untuk memilih BN pada pilihan raya umum kali ini.

"Saya berasa sangat teruja bukan semata-mata dapat hadir pada hari ini tetapi lebih daripada itu saya dapat rasai dan lihat sambutan sangat luar biasa.

"Apabila bersalaman tadi ada yang salam tidak mahu lepas, ada yang kata 'I love PM'. Inilah suasana yang memberi keyakinan kepada saya yang mana kita akan pertahankan kedudukan BN di Kuala Kangsar," katanya.

Rakyat pelbagai lapisan masyarakat memberi sambutan dan tidak putus-putus bersalaman dengan Perdana Menteri sejak tiba di perkarangan arena itu pada kira-kira 9.45 pagi sehingga naik ke atas pentas.

Ketibaan Perdana Menteri diiringi Menteri Besar Datuk Seri Dr Zambry Abdul Kadir, Speaker

Dewan Undangan Negeri Perak Datuk R.Ganesan dan Ketua Umno Bahagian Kuala Kangsar Datuk Ramly Zahari. Turut hadir penyandang kerusi Parlimen Padang Rengas Datuk Seri Mohamed Nazri Aziz dan calon BN di kerusi Parlimen Sungai Siput Datuk S.K Devamany.

Kawasan Parlimen Kuala Kangsar akan menyaksikan pertembungan tiga penjuru antara calon BN Datuk Wan Mohammad Khair-il Wan Ahmad, bekas Naib Ketua Wanita Umno Datuk Kamilia Ibrahim sebagai calon Bebas dan calon PAS Khalil Idham Lim Abdullah.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=945462>